



ZAHARI ISHAK (kiri) memberi penerangan mengenai gula mentah yang akan diproses di kilang pembuatan gula milik MSM Prai Bhd. sambil diperhatikan oleh Jason P. Hendroff (tengah) di Prai, Pulau Pinang, semalam.
- UTUSAN/
MOHD FARIZWAN HASBULLAH

MSM tingkat eksport gula bertapis

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

BUTTERWORTH 16 Nov. - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) komited untuk mempertingkatkan aktiviti eksport gula halus bertapis ke pasaran baharu berbanding 20 peratus buat masa ini.

Ketua Pegawai Operasinya, Jason P. Hendroff berkata, syarikat merancang untuk menembusi pasaran Asia Barat dan Singapura setelah kilang penapis gula di Tanjung Langsat, Johor siap pada suku ketiga 2017.

Katanya, MSM pada Ogos lalu mengumumkan pelaburan bernilai AS\$259 juta (RM1.1 bilion) bagi membina sebuah kilang penapis gula terbesar Malaysia di Johor untuk menampung permintaan yang kian meningkat.

Ujar beliau, aktiviti eksport juga

akan dipacu menerusi pembukaan hab perdagangan berpangkalan di Dubai yang dijangka mula beroperasi pada Disember ini.

"Produk gula telah diproses ketika ini dieksport ke lebih 10 negara termasuk Korea Selatan, New Zealand, Pakistan dan China," katanya kepada pemberita selepas sesi lawatan media ke kilang penapisan gula MSM Prai Bhd., di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengurus Besar MSM Prai, Zahari Ishak.

MSM mempunyai keupayaan pengeluaran 1.25 juta tan metrik gula bertapis setahun dan daripada jumlah itu, MSM Prai menyumbang lebih 900,000 tan metrik.

Sepanjang sesi lawatan tersebut, lebih 20 pengamal media diberi peluang menyaksikan proses penapisan gula mentah kepada

gula bertapis sehingga ke proses pembungkusan.

MSM Prai mempunyai kira-kira 300 pekerja meliputi sektor kejuruteraan dan pentadbiran yang berupaya memproses sebanyak 3,000 gula tan metrik gula sehari.

MSM, anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) menguasai sebanyak 65 peratus pegangan pasaran industri gula tempatan dan mengimport gula mentah dari Brazil, Australia serta Thailand.

MSM memperuntukkan lebih RM100 juta bagi menaik taraf kilang penapisan gula MSM Prai dan gudang di Sungai Buloh bagi tempoh tiga tahun.

Kerja naik taraf di MSM Prai dijangka siap pada 2018 dan mencadangkan peruntukan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM20 juta pada 2016 bagi membeli mesin baharu.